

Jangan guna slogan kepimpinan melalui tauladan dalam soal titik bengik — PM

UM 30 SEP 1985

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Presiden UMNO tidak mahu slogan kepimpinan melalui tauladan digunakan untuk mengkritik para pemimpin berhubung dengan soal-soal titik bengik.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sungguhpun slogan kepimpinan melalui tauladan didapati berkesan tetapi malangnya ia digunakan oleh orang-orang tertentu untuk mencari unsur-unsur yang tidak baik pada pemimpin.

Berucap semasa mengulung di Perhimpunan Agung UMNO hari ini beliau menegaskan bahawa pemimpin hanyalah manusia biasa yang kadang kala gagal mencapai semua yang mereka ingin lakukan.

Menurut beliau, ahli-ahli UMNO haruslah tidak menganggap satu kegagalan sebagai kegagalan keseluruhan dan kegagalan yang satu itu hendaklah jangan ditonjol-tonjokkan secara tidak menentu.

"Pilihlah yang baik dan ketepikanlah yang tidak baik," ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, satu tauladan yang paling baik yang terdapat pada para menteri ialah semangat kerja kuat mereka kerana mereka sering diingatkan bahawa ramai lagi yang boleh menggantikan tempat mereka jika mereka sudah tidak larat bekerja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap ahli-ahli UMNO memilih perkara-perkara bəri untuk perbincangan

kerana macam-macam contoh boleh dijadikan tauladan kerana slogan tersebut digubal sebagai slogan yang boleh membina masyarakat.

Mengenai soal terdapat golongan yang rapat kepada menteri untuk kepentingan sendiri, beliau memberi jaminan bahawa tidak ada menteri yang suka orang rapat padanya.

Perdana Menteri menjelaskan, tugas menteri adalah memperbetulkan yang tidak betul dan terdapat perkara-perkara tertentu yang hanya dapat diperbetulkan oleh menteri.

Menurut beliau, orang ramai rapat kepada menteri kerana mahu mendapatkan pertolongannya bagi memperbetulkan sesuatu perkara yang merupakan masalah kepada mereka.

Segala rayuan dan rintihan orang ramai itu, kadangkala disampaikan kepada beliau melalui sampul surat yang dihulurkan ketika Perdana Menteri mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan tertentu.

Menteri, katanya, tidak dapat memenuhi permintaan semua orang walaupun ia mahu.

Sebarang keputusan menteri tidak boleh diputuskan sendiri kerana ia perlu dirujuk kepada jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang terdiri daripada para pegawai di mana pendapat mereka hendaklah diambil kira, jelas beliau.

Sebagai contoh, menurut beliau, sekiranya ada 10 permohonan untuk sebuah lesen pengangkutan, sebarang keputusan kerajaan akan mengakibatkan kekecewaan sembilan pemohon yang gagal sungguhpun kesemuanya datang kepada menteri untuk membantu mereka.